

18/07/2004

Azizan - simbol impian rakyat Malaysia

By Kalimullah Hassan

SIAPAKAH Tan Sri Azizan Zainul Abidin sehingga Raja, Perdana Menteri, eksekutif tinggi dan pekerja berpendapatan rendah menziarahi jenazahnya bagi memberi penghormatan terakhir pada hari beliau pulang ke Rahmatullah, Rabu lalu?

Allahyarham dilihat dari sudut berbeza oleh orang yang berbeza. Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop melihat Allahyarham sebagai "contoh unggul penjawat awam berpangkat tinggi."

Rakan Nor Mohamed dalam Kabinet, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata Azizan adalah seorang tokoh berkaliber yang sentiasa sayangkan bangsa dan negaranya.

Pengerusi Exxonmobil Malaysia, Rob Fisher pula melihat Allahyarham sebagai seorang yang memiliki integriti, bermaruah dan bijak, manakala Pengerusi Shell Malaysia, John Chadwick menggambarkannya sebagai rakyat Malaysia istimewa yang memberi sumbangan tidak terhingga kepada negara.

Kebanyakan daripada kita mengenalinya sebagai Pengerusi Petronas, Penerbangan Malaysia (MAS) dan Putrajaya Holdings. Tetapi beliau sebenarnya memegang banyak lagi jawatan tinggi dalam kerajaan, sedia menerima tugas daripada Kerajaan yang mengiktirafnya sebagai seorang yang kuat bekerja, terhormat dan mulia.

Pada usia 69 tahun, beliau menjadi pengerusi hampir sedozen syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan ketika diminta menjadi ahli kepada Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis, awal tahun ini, beliau menerimanya tanpa rungutan.

Kebanyakan orang dalam lingkungan penjawat tertinggi Kerajaan dan industri serta mereka yang mempunyai peluang untuk bekerja dengannya mengetahui siapa Tan Sri Azizan Zainul Abidin. Beliau kekal sebagai pegawai kerajaan yang tidak dikenali kepada sebahagian besar warga negara Malaysia.

Barangkali, perwatakan beliau dapat dijelaskan melalui gambaran ringkas dan padat bekas wartawan, Tan Sri Noordin Sopiee terhadap Allahyarham. Nordin berkata; "Ada orang perlu diukur kepada sumbangannya; sesetengahnya pula pada peribadinya, tetapi Azizan perlu diukur dengan kedua-duanya.

"Beliau tidak pernah mengharapkan sanjungan. Beliau tidak perlu publisiti bagi membolehkan beliau berkhidmat. Sehingga hari terakhirnya, beliau seorang pendiam dan tidak angkuh. Tidak menjadi bayang-bayang tetapi sentiasa di belakang tabir.

"Seperti biasa, beliau sering berbeza. Sejarah tidak akan memberinya ruang yang luas untuknya, tetapi ia wajar. Ya, memang wajar."

Azizan adalah seorang insan rakyat Malaysia yang sukar ditemui, sentiasa berkhidmat untuk negara tanpa melebihi kepentingan diri, membuat kerja secara senyap tetapi jujur, tekun melaksanakan apa juga tugas yang diamanahkan Kerajaan kepada beliau, yang mengiktiraf beliau memiliki kualiti unggul dengan menerima pujian ramai.

Azizan adalah anak yatim pada usia masih muda. Lahir dalam keluarga miskin dan tanpa pernah mengetahui sebuah kehidupan normal. Kehidupan awalnya membentuk peribadi Azizan. Allahyarham membina cita-cita untuk mencapai kecemerlangan serta membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan.

Ujian getir kehidupan yang dilaluinya membuatkan beliau sentiasa merendah diri yang menjadikan sikap itu sebagai petanda kepada kejayaan yang bakal ditempuhi pada tahun berikutnya.

Sahabat dan orang ramai yang mengenalinya menggambarkan Azizan sebagai seorang yang baik budi pekertinya dan berbudi bahasa kepada sesiapa saja, sama ada kepada pekerja bawahannya, rakan atau ketuanya.

Dalam erti kata lain, Azizan adalah simbol kepada "Impian rakyat Malaysia."

Beliau lahir di Pulau Pinang pada 1935, ketika orang Melayu di bahagian pulau terpinggir dengan pendapatan yang kecil.

Meskipun, kehidupan begitu sukar, Azizan berjaya memasuki sekolah terbaik di negara ini pada waktu itu, Sekolah Penang Free. Beliau menyambung pengajian ke Universiti Malaya sekitar 1950-an. Tidak ramai anak Melayu waktu itu, terutamanya yang bukan dari kalangan anak Raja dan bangsawan mendapat peluang untuk meneruskan pendidikan tinggi mereka.

Selepas menamatkan pengajian pada 1960, beliau menyertai perkhidmatan awam. Pada waktu itulah beliau membuktikan kehebatannya, membina reputasi sebagai seorang pentadbir, seorang yang memiliki penghormatan dan integriti.

Beliau bekerja untuk beberapa tugas yang berbeza, tetapi beliau dikenali oleh pihak pentadbir tertinggi dalam Kerajaan dan politik apabila dari 1971 hingga 1984, beliau berkhidmat secara berterusan sebagai Setiausaha Sulit Prinsipal kepada tiga Perdana Menteri - Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sebagai seorang 'penjaga pintu' terakhir sebelum seseorang menemui Perdana Menteri ia menjadi satu tugas yang amat berkuasa. Namun, nama Azizan tidak pernah dikaitkan dengan pilih kasih atau penyalahgunaan kuasa bagi membenarkan sesiapa memasuki pintu berkenaan.

Malahan, seperti kata Nor Mohamed; "Reputasi Azizan adalah contoh unggul penjawat awam berpangkat tinggi," dan ia terus subur, apa lagi pada Rabu lalu, Azizan terus bekerja hingga ke akhir hayatnya.

Nor Mohamed, orang terakhir yang berjumpa dengan Azizan iaitu kira-kira 12 jam sebelum kematiannya berkata: "Lelaki seperti Azizan tidak lahir setiap hari". Kata-kata beliau itu tidak mungkin salah, terutamanya dalam dunia hari ini.

Apabila seseorang seperti Azizan meninggal dunia, ia menjadi satu sebab negaranya terpaksa menanggung kerugian besar.

Jutawan yang menempa nama dalam bidang media dan telekomunikasi, T Ananda Krishnan yang bekerja bersama Azizan untuk tempoh masa yang lama berpeluang mengenalinya dengan lebih dekat.

Salah satu sifat Azizan yang tidak dapat Ananda lupakan ialah kesetiiaannya terhadap isteri, Puan Sri Noor Ainee Che Teh dan sangat mengambil berat mengenai keluarganya.

Sesetengah orang berkata ia mungkin kerana beliau tidak mempunyai sesiapa kecuali Noor Ainee dan tiga anaknya yang menjadikan beliau benar-benar rapat dengan mereka.

Gambar Noor Ainee yang menangis di pusara Azizan jelas menunjukkan kuatnya ikatan mereka.

Wartawan Wall Street Asia, Leslie Lopez adalah seseorang yang sentiasa mengadakan pertemuan dengan Allahyarham sejak akhir tahun 1980-an berkata, beliau akan mengingati Azizan sebagai seorang yang mencintai negaranya tanpa batasan.

Lopez memberitahu, Azizan mengamuk jika mengetahui berlaku sebarang penyalahgunaan pada dana awam.

"Saya selalu berasaskan sumber pendapatan negara (Petronas) berada dalam tangan yang selamat, bersama Azizan," katanya.

Memori mengenai Pengerusi Petronas itu menjadi topik perbincangan Lopez dan rakan-rakannya pada satu majlis makan malam yang dihadiri dua hari selepas kematian Azizan.

Pengerusi Pelabuhan Pulau Pinang, Datuk Latif Abdullah, yang turut mahu

berkongsi pengalamannya bersama Allahyarham berkata, beberapa tahun lalu beliau menjemput Azizan menghadiri satu majlis makan malam di Jepun di mana beliau memesan 'abalone' terbaik sebagai hidangan malam itu.

"Semua orang memuji kelazatan dan kualiti makanan itu, tetapi Azizan pula secara sopan bertanya mengenai harga 'abalone'," katanya.

Latiff berkata, beliau berasa malu kerana tahu Allahyarham tidak suka berbelanja secara keterlaluan, tetapi akhirnya terpaksa memberitahunya bahawa ia berharga US\$200 (RM720) seorang.

"Saya rasa beliau hanya lega dan kelihatan gembira apabila mendapat tahu bil makan malam itu tidak dibayar Petronas atau kerajaan," katanya sambil menggambarkan kejutan pada wajah Azizan ketika itu.

Ananda Krishnan dan Azizan bersama-sama memegang jawatan Lembaga Petronas sejak awal tahun 1980-an lagi, serta menjadi Timbalan Pengerusi Lembaga KLCC.

Ananda agak terjejas dengan kematian Azizan.

"Azizan adalah pegawai kerajaan yang terakhir... pentadbir terbaik dalam mengendalikan dan menguruskan perniagaan," katanya.

Ananda berkata, apabila beliau dan Azizan bersetuju membangunkan kawasan KLCC yang nilainya berbilion ringgit secara usaha sama, mereka menandatangani memorandum persefahaman (MoU) yang hanya setebal tiga muka.

"Berasaskan perjanjian tiga muka itu dan berjabat tangan, Azizan meneruskan usahanya membangunkan KLCC yang mencapai kejayaan pada hari ini," katanya.

Katanya, Azizan memainkan peranan utama dalam penstrukturan semula Petronas pada 1988 di mana beliau menjadi presiden pertama yang juga memegang jawatan pegawai eksekutif.

"Azizan mencipta satu organisasi yang berlainan daripada Petronas. Beliau menghapuskan sikap pilih kasih dan mementingkan pembentukan bakat dikalangan kakitangannya," katanya.

Beliau seorang yang unik; tidak memilih 'bulu'. Setiap orang akan diberi peluang.

"Ketika muda, beliau adalah abang sulong; semakin menjangkau usia, beliau adalah seorang bapa yang dihormati; baik hati, lemah lembut dan mudah untuk bekerjasama," kata Ananda.

Semua itu mungkin, kata Ananda lagi, disebabkan sifat Azizan yang sukar menolak sebarang permintaan untuk berkhidmat kepada masyarakat yang akhirnya menjejaskan kesihatan beliau sendiri.

Azizan adalah seorang yang tidak mementingkan diri juga kebendaan; penuh dengan kasih sayang bukan saja untuk isteri dan keluarga, malah untuk rakan serta negara - Itulah sifat Azizan yang akan sentiasa dikenang Ananda.

Selain pernah berkhidmat dengan tiga Perdana Menteri, Azizan adalah Setiausaha Majlis Operasi Kebangsaan yang ditubuhkan selepas tragedi berdarah 13 Mei 1969 dan pernah menjadi ketua kepada seorang pegawai muda kerajaan yang sentiasa membantunya, Abdullah Ahmad Badawi.

Selepas 33 tahun, Abdullah kini menjadi Perdana Menteri dan ketua kepada Azizan. Namun seperti lazimnya, Abdullah tetap menghormati Azizan.

Abdullah seperti Ananda, turut merasai pemergian Azizan. Beberapa jam selepas pengebumian Azizan, Abdullah pulang untuk ditemuramah wartawan Financial Times dan perkara pertama yang diucapkannya ketika berjabat tangan;

"Kami kehilangan seorang lelaki yang baik hari ini... seorang rakyat Malaysia yang sangat baik,".

Sikap telus dan hormat yang dibawa Azizan ke dalam perkhidmatan awam juga dapat dilihat menerusi kejayaan Petronas di bawah pimpinannya sehingga menjadi syarikat ke 186 terbesar dalam senarai Fortune 500 dan syarikat minyak paling menguntungkan di dunia ketika ini.

Bagi tahun kewangan 2004, di bawah tunjuk ajar dan kepimpinan beliau serta anak didiknya, Tan Sri Hassan Merican, Petronas merekodkan hasil yang tidak pernah diperolehi sebelum ini bernilai RM97 bilion, peningkatan 20 peratus berbanding tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukainya meningkat 39 peratus kepada RM37 bilion.

Hari ini, Petronas adalah syarikat global sebenar Malaysia dengan memiliki cawangan di 30 negara seluruh dunia yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat negara ini.

Menurut mereka yang mengenali Azizan, dalam 16 tahun terakhir perkhidmatannya di Petronas, beliau berhadapan dengan pelbagai tekanan. Namun, beliau tidak pernah takut untuk berdiri teguh dengan pendiriannya ketika orang lain cuba mengampu dan mempunyai agenda sendiri, kata wartawan Asian Wall Street Journal (AWSJ), Lopez.

Dengan kepercayaan yang diberikan Tun Mahathir, beliau membawa Petronas menuju kejayaan. Sikap profesional dalam diri Azizan dan Ananda yang diserap ke dalam ahli lembaga Petronas apabila Tun Mahathir melakukan penstrukturan semula pada 1980-an, masih tidak terjejas dan membawa syarikat minyak itu meniti kejayaan.

"Beliau adalah pelindung kepada sumber asli negara," kata Lopez.

Azizan membawa banyak makna kepada negara, seluruh rakyat Malaysia dan keluarganya sendiri. Beliau adalah bentara ketika hidup, sama seperti wira yang tidak didendangkan.

Namun, kita harap pandangan Dr Noordin Sopiee dibuktikan salah dengan negara memberikan tempat yang sewajarnya kepada Tan Sri Azizan dalam lipatan sejarah.

(END)